



LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LENCONGAN TRAFIK DI KM25.75 HINGGA KM26.4 ARAH TIMUR (EB), LEBUHRAYA KUALA LUMPUR – KARAK (KLK) BAGI MENYOKONG PELAKSANAAN PROJEK EAST COAST RAIL LINK (ECRL)

KAJANG – Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) ingin memaklumkan bahawa satu pelaksanaan **lencongan trafik sementara** di laluan KM25.75 hingga KM26.4 arah Kuantan (dari Gombak ke Genting Sempah), Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) telah diaktifkan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembinaan **Projek East Coast Rail Link (ECRL)**.

Lencongan ini melibatkan pengalihan laluan sedia ada dengan kapasiti tiga (3) lorong ke laluan sehalu bersebelahan arah Kuala Lumpur, yang turut mengekalkan kapasiti tiga (3) lorong bagi memastikan kelancaran aliran trafik sepanjang tempoh pelaksanaan.

Reka bentuk Pelan Pengurusan Trafik (Traffic Management Plan - TMP) telah disemak dan disahkan oleh juruaudit keselamatan jalan menerusi **Road Safety Audit (RSA) Stage 4 Part 1**. Seterusnya, **RSA Stage 4 Part 2** akan dilaksanakan pada 30 Julai 2025 (Rabu) bagi tujuan semakan pematuhan pelaksanaan dan sebarang penemuan cadangan penambahbaikan berdasarkan kemajuan pembinaan di tapak.

LLM, bersama Syarikat Konsesi AFA PRIME Berhad dan pihak Malaysia Rail Link (MRL), telah menjalankan beberapa siri pemantauan berterusan sejak pengaktifan lencongan ini. Hasil pemantauan terkini yang dilaksanakan pada **14 Julai 2025 (Isnin)**, mendapati keadaan trafik di lokasi tersebut adalah **teratur dan terkawal serta berjalan lancar**.

Orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi arahan papan tanda keselamatan di lokasi dan merancang perjalanan lebih awal bagi mengelakkan kesesakan.

**KETUA PENGARAH
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
17 JULAI 2025**

1

UNIT KORPORAT | LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Wisma Lebuhraya, KM 6, Jalan Serdang – Kajang, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-8738 8000 | E-mel : korporat@llm.gov.my

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA



@LLMRASHMI / @LLMTRAFIK



@LLMRASHMI / @LLMTRAFIK



@LLMRASHMI

WWW.LLM.GOV.MY

